



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA PEMBUKAAN PERSIDANGAN KEDUA
PENGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG KE LIMA BELAS**

**PADA 28 FEBRUARI HINGGA 3 MAC 2022
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA**

“100 HARI JANJI DITEPATI, PENUH BERPRESTASI”

BismillahirRahmanirRahim,

***Alhamdulillah Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu A'la
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi
Ajmain, Amma Ba'du,***

Diawali dengan Selawat kepada Baginda junjungan, Nabi
Muhammad *Sol-lallahu Alaihi Wasal-lam*, seraya melafazkan,

***Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li
Saidina Muhammad,***

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA, SALAM KELUARGA MALAYSIA DAN
SALAM MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA,**

**YANG BERHORMAT DATUK WIRA IBRAHIM DURUM,
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT DATUK ZAIDI BIN JOHARI,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERHORMAT TUAN HAJI ADLY BIN ZAHARI,
KETUA PEMBANGKANG, MERANGKAP ADUN BUKIT KATIL;**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI,**

YANG BERHORMAT DATUK TIMBALAN SPEAKER,

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TIDAK DAPAT SAYA
SEBUTKAN NAMANYA SATU PERSATU, NAMUN ITU TIDAK
HILANG HORMAT DAN NILAI PERSAHABATAN SAYA KEPADA
SEMUA, SERTA SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN.**

SAYA BANGUN UNTUK MENCADANGKAN SATU USUL YANG BERBUNYI:

“DEWAN DENGAN SUKACITANYA MENGAMBIL KETETAPAN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA KERANA SUDI MENYAMPAIKAN UCAPAN PERASMIAN PEMBUKAAN PERSIDANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG MULIA INI”.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

MUKADIMAH

1. Sebermula, dirafakkan setinggi-tinggi syukur kepada hadrat Allah SWT, kerana atas kehendakNya jua, maka saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berpeluang untuk berada di dalam dewan yang mulia, pada hari kedua Persidangan ini.
2. Di kesempatan ini, dengan penuh kerendahan hati, izinkan saya menzahirkan sekalung penghargaan dan terima kasih, di atas ucapan perasmian yang telah disempurnakan oleh **Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka** semalam, sempena Perasmian Pembukaan **Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Melaka Yang Kelima Belas.**
3. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, telah memberi nasihat dan panduan berguna, kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang baharu, dalam merangka hala tuju perancangan pembangunan Negeri Melaka, demi kemajuan dan kemaslahatan rakyat seluruhnya.

4. Nyatalah bahawa,...

**Terbitnya subuh cahaya benderang,
Kedengaran suara azan dilaung,
Tun bagaikan payung berkembang,
Seluruh rakyat makmur bernaung.**

5. Syahadan, dengan penuh takzim, sama-samalah kita semua **memberikan tepuk hormat, kepada Ketua Negeri yang kita kasihi!**

Gempa Bumi di Indonesia

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

6. Kira-kira 4 hari lalu, jam 9.39 pagi, Negeri Melaka digemparkan dengan gegaran kuat, turut sama dirasai oleh beberapa negeri yang lain, berpunca daripada gempa bumi berskala 6.2 berlaku di Pekan Baru, Indonesia. Gempa berlaku pada 17 kilometer ke timur laut Pasaman Barat pada kedalaman 10 kilometer.

7. Saya dimaklumkan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka telah menerima 7 panggilan disebabkan gegaran bangunan.

8. Akibat gegaran kuat tersebut, bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Melaka dilaporkan telah retak. Susulan itu, saya telah mengarahkan agar LHDN Cawangan Melaka ditutup sementara, setelah mengalami keretakan baharu dari tingkat satu hingga tingkat lapan bangunan tersebut.

9. Setakat ini, saya diberitahu, Jabatan Kerja Raya sedang membuat tinjauan mengenai keselamatan struktur bangunan tersebut, dan saya berharap supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera mungkin supaya perkhidmatan LHDN tidak terganggu.

10. Tidak terkecuali, saya juga telah arahkan agar, semua struktur bangunan Kerajaan di Melaka disemak sepenuhnya dan saya nak laporan ini dengan segera.
11. Di sisi ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka ingin melafazkan ucapan takziah, belasungkawa dan rasa berdukacita, **kepada 7 mangsa yang terkorban, manakala selebihnya 85 orang cedera parah di Sumatera Barat, Indonesia.**
12. Sebagai tanda simpati yang mendalam, kepada saudara-saudari jiran kita di seberang selat sana, **marilah kita sama-sama bertafakur sejenak,... dan kepada mangsa korban yang beragama Islam pula, kita doakan,... semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas mereka, seraya, sama-sama kita sedekah Al-Fatihah!**

Al-Fatihah,...

SITUASI SEMASA COVID-19

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

13. Menyebut tentang melindungi tahap keselamatan dan kesihatan kanak-kanak di sekolah, program Vaksinasi COVID-19 Kanak-kanak (PICKids) dibuka melalui aplikasi Mysejahtera penjaga bermula awal Februari lalu..
14. Setakat 20 Februari 2022, seramai 24,947 orang atau 25.40 peratus kanak-kanak telah pun menerima dos pertama, **meletakkan Negeri Melaka, dalam PICKids berbanding negeri lain di Malaysia, berada di tangga teratas dengan 59.5 peratus.**
15. **Tahniah diucapkan!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

16. Rentetan tadi, saya mengajak semua supaya, marilah kita membudayakan norma baharu dan mematuhi segala SOP yang ditetapkan, bagi mengekang penularan COVID-19, dengan *Hashtag*, **#MelakaMestiMenangCOVID19**.
17. Berdasarkan jangkitan kes COVID-19 Negeri Melaka, terdapat peningkatan kerana penularan varian Omicron. Oleh itu, saya menyeru kepada semua rakyat Melaka, untuk terus mematuhi semua SOP, demi kesihatan diri dan pembangunan ekonomi Negeri Melaka.
18. Setakat ini sahaja, seramai 711,078 orang iaitu 76.2 peratus populasi rakyat Negeri Melaka telah pun lengkap menerima vaksin dan pada masa yang sama, pencapaian dos penggalak sudah mencecah seramai 477,443 orang atau 51.2 peratus.
19. Justeru, saya pohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita semua sama-sama berganding bahu, bagi memperhebatkan kempen galakkan rakyat, khususnya buat anak-anak di negeri ini, untuk segera mengambil vaksin.

Boleh semua? Insya-Allah sama-sama kita usahakan!

KESTABILAN POLITIK DAN PENTADBIRAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

20. Dipetik sebagaimana pesan Nabi Allah Syuaib Alaihis Salam, yang dimaktubkan dalam surah Hud ayat 88;

قَالَ يٰٓقَوْمِ اَرۡعٰۤیۡتُمْ اِنۡ كُنۡتُمْ عَلٰۤیۡ بَیۡنَةِ مِّنۡ رَّبِّیۡ وَرَزَقۡنِیۡ مِنْهُ رِزۡقًا حَسَنًا
 وَمَاۤ اُرِیۡدُ اَنْۢ اُخَالِفَکُمۡ اِلٰی مَاۤ اَنْهٰکُمۡ عَنْهُۚ اِنۡ اُرِیۡدُ اِلَّاۤ اِلۡصَاحَ
 مَاۤ اَسۡتَطَعۡتُ وَمَا تَوۡفِیۡقِیۡۗۤ اِلَّاۤ بِاللّٰهِ عَلَیۡهِ تَوَكَّلْتُ وَاِلَیۡهِ اُنِیۡبُ ﴿۸۸﴾

21. Mafhumnya, **“.....Aku hanya bertujuan hendak melakukan islah, yakni perubahan dan transformasi, dengan memperbaiki sedaya upayaku; dan tiadalah aku akan beroleh taufik untuk menjayakannya, melainkan dengan pertolongan Allah. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepadaNya lah aku kembali.”**
22. Berbekalkan mafhum firman ini, untuk berjaya, kita hendaklah sentiasa melakukan perubahan dan penambahbaikan atau transformasi ke arah kebaikan.
23. Ini yang kita lakukan sejak sekian lama. Tidak kira ketika kami 'duduk di seberang sana', mahupun sesudah Allah SWT takdirkan kami 'berhijrah' 'ke sebelah sini' pula.
24. Bermula 9 Mac 2020, sebaik sahaja diamanahkan sebagai Ketua Menteri, saya bersama sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat Negeri Melaka ketika itu, tanpa berlengah-lengah lagi, terus melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan inisiatif antaranya;
25. Kerajaan Melaka telah selesaikan masalah catuan air,... kami perhebatkan bantuan kebajikan kepada rakyat,... kita telah kurangkan hutang kepada Kerajaan Persekutuan lebih 162 juta ringgit,... kita bina hala tuju kerangka Melaka Rumahku,... yang selari dengan konsep inklusif 'Keluarga Malaysia' seperti diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob,...
26. kita lancarkan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035,... kita wujudkan koridor baharu M-WEZ, sebagai *game changer* kepada *high impact* pembangunan ekonomi negeri,...kita gagaskan Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35,...

27. Malah, saya masih ingat lagi, ketika Sidang DUN terakhir pada 21 September 2021, saya *khusnuz-zhon*, yakni bersangka baik, sentiasa mencari jalan, bagi mengukuhkan perpaduan dan persepakatan di antara sesama kita, atas dasar **5T iaitu Taaruf, Tarahum, Tafahum, Taa'wun dan Takaful,...**
28. dengan membuat *a new deal*, yakni suatu tawaran baharu dengan beberapa perubahan, transformasi dan penambahbaikan yang mendatangkan manfaat kepada 'sabahat-sahabat semua', baik yang 'di sebelah sini', mahupun yang 'di seberang sana' pada waktu itu.
29. Namun sebaliknya telah berlaku, di mana, Kerajaan Negeri terpaksa dibubarkan. Sebagai manusia biasa, ada masanya terasa sedikit terkilan, bagaikan 'air susu yang diberi, dibalas pula dengan air tuba'.
30. Sungguhpun begitu, seperti dinasihatkan oleh para Alim Ulama dan Habaib, kita perbanyakkan istighfar, bermuhasabah dan terus *move-on*, berlapang dada serta membuka lembaran baharu, selain mencari hikmah-hikmah yang tersembunyi di sebalik semua episod itu.
31. Seperti disebut dalam kiasan Melayu, '**kita mungkin berasa cemas dan risau, tatkala matahari hilang seketika daripada pandangan, tetapi ada hikmah, rupa-rupanya Allah SWT hendak hadiahkan kita pelangi**'.
32. Maka itu, Alhamdulillah,... dalam PRN Melaka pada 20 November 2021 lalu menyaksikan, Barisan Nasional telah diberi mandat oleh rakyat Melaka, apabila **memenangi 21 daripada 28 kerusi yang dipertandingkan, dengan majoriti bukan dua pertiga 2/3,...** bahkan mencapai majoriti tiga per empat $\frac{3}{4}$ di Dewan Yang Mulia ini!
33. Alhamdulillah,...

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

34. Di kesempatan ini, dengan penuh tawadhu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas kepercayaan dan keyakinan kepada saya serta kepimpinan Kerajaan, untuk terus menerajui Kerajaan Negeri Melaka.
35. Amanah tanggungjawab atas kemenangan besar ini, bukan untuk menjadikan kita lalai dan sombong, sebaliknya sentiasa menginsafi diri serta terus bekerja dengan lebih gigih lagi, untuk melaksana Manifesto Barisan Nasional iaitu,...
36. **“Kestabilan Demi Kemakmuran”,... yang menggariskan 1 matlamat, 5 teras dan 103 inisiatif,... demi membawa Melaka menuju kegemilangan dalam tempoh 100 hari, 1 tahun, 3 tahun dan 5 tahun mendatang.**
37. Bagi pencapaian 100 hari pentadbiran Kerajaan ini, bermula dari 21 November 2021 hinggalah 28 Februari 2022, kita akan bentangkan pada majlis khas dalam waktu terdekat nanti.
38. Seajar itu, sukacitanya saya laporkan, untuk tahun 2021 sahaja, **pencapaian kita, berbanding 97.22 peratus pada 2020, sudah mencapai tahap *exceed the target* iaitu 98.60 peratus!**
39. **Syabas semua diucapkan!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

40. Saya juga telah berbincang dengan Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN), kami semua komited untuk menyediakan pelaksanaan Sasaran Kerangka Kerja atau SKK untuk portfolio masing-masing.

41. Tidak berhenti di situ, Kerajaan Negeri turut telah bersetuju untuk memperkenalkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Kad Laporan kepada semua Ahli MMKN, di mana prestasi Ahli Berhormat Kerajaan akan dinilai berdasarkan KPI dan Kad Laporan tersebut.
42. Seterusnya, keseluruhan pelaksanaan aku janji dan inti pati manifesto Kerajaan ini, akan dipantau melalui Sistem Pemantauan Melaka Laksana. Pada masa yang sama, semua Ahli MMKN akan melaporkan pencapaian KPI masing-masing secara bulanan dalam MMKN.
43. Selanjutnya, dalam mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan, satu Bengkel Intelektualiti serta Personaliti ADUN Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan baru-baru ini, bagi mendedahkan kefahaman, berhubung peranan dan tanggungjawab sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat untuk semua ADUN kerajaan, terutama yang baharu pertama kali dipilih sebagai wakil rakyat.
44. Sehingga kini, saya puji komitmen dan kualiti khidmat serta penyampaian semua Ahli Yang Berhormat sekalian kepada rakyat dan negeri ini. Jadi,... apalah salah kiranya, jika kita **zahirkan penghormatan, dengan memberi tepuk penghargaan untuk semua!**

PRESTASI EKONOMI NEGERI

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

45. Seperti semua tahu, pandemik COVID-19 telah memberikan impak besar terhadap ekonomi Malaysia dan Negeri Melaka, khususnya berkaitan penurunan nilai Ringgit Malaysia dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), yang tempiasnya memberi kesan negatif kepada sektor ekonomi, seperti perhotelan, peruncitan serta pelancongan.

46. Akibatnya, Negeri Melaka mencatatkan penyusutan KDNK daripada positif 2.9 peratus kepada negatif 5.9 peratus, iaitu berjumlah RM41.03 bilion pada tahun 2020, berbanding RM43.61 bilion pada 2019.
47. Dari sudut pendapatan per kapita pula, Melaka mencatatkan sebanyak RM45,936.
48. Situasi ini memberi kesan kepada peningkatan kadar pengangguran di Melaka iaitu 3.1 peratus pada suku keempat tahun 2021. Kadar ini adalah lebih tinggi berbanding dua tahun sebelumnya iaitu, 2.2 peratus pada 2020 dan 1.1 peratus tahun 2019.
49. Pun demikian, kadar pengangguran di Melaka masih rendah berbanding pengangguran di Malaysia yang mencatat 4.3 peratus. Ini bermakna, kadar pengangguran Negeri Melaka adalah ketiga terendah, selepas Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Selangor.
50. Meskipun demikian, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Melaka untuk membantu anak-anak muda serta rakyat mendapatkan pekerjaan antaranya, melalui Mini Karnival Kerjaya 3 Daerah Peringkat Negeri Melaka, telah diadakan pada 23 Disember 2021 di Jasin, yang menawarkan lebih 50 jawatan dan 940 kekosongan, telah menarik seramai 283 peserta hadir ke temu duga, dengan sejumlah 50 orang peserta berjaya mendapat pekerjaan.
51. Manakala bagi Karnival Kerjaya di Alor Gajah dan Melaka Tengah pula, telah berjaya menawarkan pekerjaan kepada 213 pencari kerja, dan 570 orang untuk ditemu duga bagi kali kedua.

52. Melalui kerjasama dengan PERKESO, kita juga telah melaksanakan Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) dan Program Pekerjaan Jangka Pendek Malaysia (MySTEP), selain 'Program Jelajah Prihatin Kerja 2021 Peringkat Negeri Melaka', pada 20 Disember 2021 melalui Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka.
53. Lanjutan itu, Kerajaan Melaka juga telah menyediakan Skim Dana Kasih Niaga sebanyak 1 juta ringgit kepada para peniaga kecil negeri yang berkelayakan, untuk menceburi bidang keusahawanan.
54. Berhubung pelaburan pula, tahun 2021 mula menunjukkan sinar yang positif untuk Negeri Melaka. Meskipun negara berdepan dengan pelbagai cabaran, namun, Melaka masih lagi menjadi destinasi pelaburan pilihan para pelabur.
55. Laporan daripada Malaysian Investment Development Authority atau MIDA menunjukkan, dalam tempoh Januari hingga September 2021, sebanyak 111 projek telah diluluskan,... dengan 3,110 peluang pekerjaan, melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.822 bilion, dengan pecahan, RM3.4 bilion dari pelaburan asing, manakala RM1.422 bilion melalui pelaburan tempatan.
56. Pelaburan yang diterima 2021 lalu, **merupakan pelaburan lebih tinggi**, berbanding yang direkodkan dalam laporan MIDA untuk tahun 2019 dan 2020, masing-masing sebanyak RM2.205 bilion dan RM3.316 bilion sahaja.

PERANCANGAN PEMBANGUNAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

57. Dalam meneruskan perancangan pembangunan Negeri Melaka, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035, akan terus dijadikan sebagai garis panduan dan '*living document*' bagi ditambahbaik dari semasa ke semasa, mengikut kesesuaian.

58. Bagi memastikan pembangunan berjalan lancar dan sasaran KPI dapat dicapai, segala perancangan inisiatif serta projek yang disenaraikan di dalam Dokumen PSMJ 2035 tersebut, akan dipantau secara telus, melalui Sistem Melaka Laksana, dan semakan pencapaian setahun PSMJ 2035.
59. Untuk pelaksanaan 2022, selain daripada inisiatif di bawah manifesto, Kerajaan Melaka telah pun memuktamadkan perancangan tersebut dalam Konvensyen Bengkel Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka, yang turut diselarikan dengan PSMJ 2035, pada minggu ketiga Januari 2022 lalu.
60. Berkait demikian, sukacita saya maklumkan, sehingga 31 Disember 2021, **pencapaian keseluruhan PSMJ 2035 sudah melebihi 91 peratus!**
61. **Sekalung syabas buat semua!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

62. Di samping itu, selaras dengan perkembangan sains, teknologi dan inovasi serta Revolusi Industri 4.0, Kerajaan Melaka terus berusaha untuk merencanakan pembangunan Negeri Melaka sebagai sebuah destinasi pelaburan berkonsepkan bioteknologi, agro-industri, industri maritim; memperluaskan inisiatif pintar dan industri digital; serta memperkasakan penggunaan data dalam agenda perancangan pembangunan negeri.

MENYANTUNI ISU-ISU RAKYAT

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

63. Menyentuh tentang keluh kesah yang sering dibangkitkan oleh rakyat, khususnya tentang isu banjir atau lebih spesifik hal banjir kilat dan juga sumber bekalan air,... antara tindakan serta perancangan yang telah kita ambil:
64. **Pertama;** dari segi pengurusan air mampan, Kerajaan Negeri telah mempunyai perancangan jangka pendek dan jangka panjang.
65. Contohnya, Kerajaan Negeri melalui pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengenal pasti **124 hotspot banjir** di Negeri Melaka iaitu 59 di Melaka Tengah, 23 di Alor Gajah dan 42 di Jasin.
66. **Kedua;** bagi terus mengatasi masalah banjir di Melaka, pada tahun 2021 sahaja, Kerajaan Melaka telah melaksanakan **383 projek-projek kecil berbentuk jangka pendek** seperti naik taraf parit, longkang dan lain-lain yang berkaitan, bernilai RM37 juta.
67. Inisiatif ini **dilaksanakan sementara menunggu projek jangka panjang Rancangan Tebatan Banjir (RTB) disiapkan** oleh Kerajaan Persekutuan, yang dijangka dapat mengurangkan masalah banjir di Negeri Melaka.
68. Di sini juga, Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih di atas kelulusan lapan projek untuk menyelesaikan isu banjir bernilai **RM931.2 juta**.
69. **Antara projek yang terlibat** adalah seperti, RTB Sungai Melaka Fasa 1, Naik Taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong sebagai Kolam Dwi-fungsi untuk **Tebatan Banjir dan Sumber Air**, RTB Sungai Duyong dan RTB Bandar Merlimau.

70. Untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Kolam Tebatan Banjir Krubong sebagai Kolam Dwi-fungsi, **merupakan projek yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia.**
71. Pada tahun ini pula, sebanyak 18 projek jangka pendek bernilai RM13.6 juta akan dilaksanakan berdasarkan kelulusan oleh Kementerian Kewangan.
72. Selain itu, Kerajaan Melaka juga akan mengemukakan projek RTB Sungai Putat dan RTB Durian Tunggal kepada pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) di bawah Rolling Plan 3 (RP3) RMKe-12.
73. **Ketiga;** Kerajaan Melaka turut telah mendapat kelulusan projek sumber air dengan kos bernilai **RM1.303 bilion.**
74. Antaranya seperti, Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Jernih di Daerah Alor Gajah, Projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) Melaka di Tasik Biru, Jasin dan Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang serta Tasik Biru ke Empangan Jus, Daerah Jasin, Melaka.
75. Dengan pelaksanaan kesemua projek yang telah diluluskan di atas, setidak-tidaknya dapat memenuhi permintaan bekalan air Negeri Melaka **sehingga tahun 2050.**
76. Dari segi pelaksanaan, projek-projek berkaitan merupakan **pelan perancangan jangka panjang,** yang mana *timeline* pelaksanaannya, ada projek yang disiapkan pada tahun 2025 dan ada juga pada tahun 2029.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

77. Sejak kebelakangan ini, isu kenaikan harga barang terutamanya bahan mentah termasuk ayam, sayur dan telur ayam, menjadi antara topik yang hangat diperkatakan oleh rakyat.

78. Justeru itu, melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, kita telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pemeriksaan berterusan, bagi memastikan tiada berlaku pelanggaran undang-undang oleh peniaga dan pemantauan ke atas Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) serta Program Jualan “Keluarga Malaysia”.
79. Ia merupakan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kewangan, bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat, terutamanya pengguna dalam kalangan berpendapatan rendah.
80. Ketika ini, program tersebut disasar diadakan untuk tempoh selama tiga bulan bermula pada 4 Disember 2021 di Parlimen Masjid Tanah.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

81. Berbalik hal banjir dan kebajikan rakyat tadi, saya mewakili Kerajaan Melaka, ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua *frontliners*,... para sukarelawan,... seperti Encik Azwan Omar atau ‘Abang Viva’, yang tular sebelum ini,... termasuk semua ‘wira-wira belakang tabir’,... yang terus cekal berjuang,... bertungkus lumus bertugas saban hari,... tanpa mengira penat dan lelah,... demi memberikan khidmat dan kebajikan terbaik, buat seluruh masyarakat yang memerlukan pertolongan,...
82. Seraya,... kita sama-sama zahirkan penghargaan, **dengan memberi tepukan gemuruh buat mereka semua!**

MEMPERKASA SEKTOR PELANCONGAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

83. Sebenarnya, tahun 2021 adalah tahun sangat mencabar buat industri pelancongan dan para penggiatnya, baik di peringkat negeri mahupun negara.
84. Hampir kesemua rangkaian aktiviti ekonomi berkaitan pelancongan seperti penginapan, pengangkutan, beli-belah, makanan dan minuman serta penganjuran acara, terpaksa disesuaikan dengan norma baharu secara proaktif dan inovatif, demi memastikan kelangsungan industri ini.
85. Sungguhpun terkesan, namun syukur Alhamdulillah, pada 11 Oktober 2021 lalu, Melaka telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara, yang secara tidak langsung, negeri ini telah mula menerima kunjungan pelancong dari luar Negeri Melaka.
86. Sejak itu, sektor pelancongan di Melaka terus menunjukkan perkembangan positif, di mana sehingga Disember 2021, seramai 2.67 juta pelancong telah berkunjung ke negeri bersejarah ini.
87. Lokasi-lokasi pelancongan juga mencatat kehadiran pelancong yang memberangsangkan. Antaranya, Melaka River Cruise, yang menjadi tempat tarikan paling popular, dengan mencatatkan kedatangan pengunjung tertinggi, diikuti oleh Zoo Melaka, Menara Taming Sari, muzium di bawah Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) dan A'Famosa Water World.
88. Dengan peningkatan jumlah pengunjung ini, secara tidak langsung membuktikan bahawa, segala perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Melaka amat berkesan dan berjalan dengan lancar.

89. Antara inisiatifnya, adalah melalui kempen Melaka Safe Haven & Relaks@Melaka dan Kempen Promosi Melakan Visit Melaka 3.0.
90. Maka pada hari ini, saya umumkan, Kempen Promosi Melakan Visit Melaka Packages 4.0, melibatkan 35 lokasi pelancongan di Melaka, berkuat kuasa mulai 28 Februari 2022 sehingga 31 Disember 2022 **dengan menawarkan diskaun sehingga 57 peratus.**
91. Jom beramai-ramai kita meriahkan kempen promosi ini!
92. Selanjutnya, kita amat berbangga kerana Melaka telah menjadi Negeri Pertama 100 peratus Patuh dan Amal SOP COVID-19, bagi Premis Pelancongan di Peringkat Kebangsaan.
93. Ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu penggiat industri pelancongan Negeri Melaka. Dengan kemasukan ramai pelancong, secara tidak langsung, sektor ekonomi pelancongan kita, akan mula diperhebat dan diperkasakan kembali dengan pematuhan ketat SOP yang ditetapkan.
94. Terkini, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) telah melancarkan Pakej Everlasting Love Boat pada 12 Disember yang lalu, bagi memberi peluang kepada pasangan suami isteri untuk menyambut hari-hari istimewa.
95. Tambahan, satu lagi tarikan baharu akan diperkenalkan, yang dikenali sebagai 'bot loncat-loncat', bukannya yang 'lompat-lompat', berfungsi sebagai perkhidmatan seakan-akan 'teksi air', bakal memberikan kemudahan kepada pengunjung untuk bergerak, dari satu destinasi ke destinasi lain, sejauh 10 kilometer dalam jajaran Sungai Melaka.

96. Selain itu, di bawah sub sektor pelancongan kesihatan, Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka, akan menjadi hospital pertama di Asia, melaksanakan kaedah pembedahan menggunakan teknologi robotik bermula pertengahan tahun 2022.
97. Teknologi robotik ini merupakan batu loncatan untuk menjadikan PSH Melaka supaya lebih dikenali, selain membawa lebih ramai pelawat ke Negeri Melaka, dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutamanya semasa atau selepas pandemik ini berakhir.
98. Saya yakin dan percaya, dengan perkembangan pesat sektor pelancongan ini, insya-Allah, akan membawa limpahan manfaat, bukan saja kepada pengusaha hotel dan produk pelancongan, bahkan kepada penarik-penarik beca, penjual kraf tangan, pemandu teksi, pengusaha restoran ataupun peniaga warung, untuk menerima pulangan lumayan, hasil daripada usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri.
99. Di sudut lain, Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan sekalung syabas kepada Gabungan Parti Sarawak atau GPS yang diketuai oleh 'Apai Besai Sarawak', iaitu **YAB Tan Sri Datuk Patinggi Dr Abang Haji Zohari Tun Openg**, kerana memperoleh kemenangan besar, iaitu 76 daripada 82 kerusi, jauh melebihi majoriti dua pertiga.
100. **Tepukan tahniah kepada Apai Besai 'Abang Jo' dan Kerajaan Negeri Sarawak!!**
101. Kami doakan, bayu kemenangan di PRN Melaka dan Sarawak lalu, **akan bertiup kencang,... berpuput-puput pula ke Bumi Johor pada 12 Mac 2022 nanti. InsyaAllah.**

SYIAR ISLAM

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

102. Di perspektif bantuan kewangan pula, institusi zakat turut memainkan peranan untuk membantu dari segi ekonomi, melalui pengeluaran dan pengagihan zakat kepada golongan Asnaf dan B40 yang memerlukan.
103. Malah, golongan Non-Muslim juga turut menerima bantuan yang disediakan oleh pihak zakat, dengan kelayakan yang telah ditetapkan melalui Zakat Musaadah.
104. Menerusi bantuan ini, zakat dapat disalurkan kepada seluruh masyarakat tanpa mengira kaum dan menyantuni segenap lapisan masyarakat yang memerlukan bantuan dan terkesan, akibat wabak COVID-19, yang nampaknya kini, masih belum kunjung reda.
105. Sehingga pada 22 Februari 2022, jumlah kutipan zakat Negeri Melaka adalah sebanyak RM17.221 juta, peningkatan sebanyak RM6.074 juta iaitu 54.5 peratus, berbanding tempoh yang sama tahun 2021.
106. Bilangan pembayar zakat juga meningkat daripada 36,003 orang pada 2021, kepada 36,603 orang pada tahun 2022. Ini menunjukkan kesedaran umat Islam dan badan-badan korporat untuk membayar zakat semakin tinggi.
107. Dengan peningkatan kutipan zakat ini, akan memberi manfaat dan kesejahteraan kepada kumpulan sasar yang terlibat.
108. Selain daripada zakat, Kerajaan Melaka juga sedang memperluaskan peranan wakaf dalam membangunkan ekonomi Negeri.

109. Meskipun menyedari kesedaran pelaksanaan wakaf dalam kalangan rakyat masih rendah, namun Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuklah mempromosikan instrumen wakaf sebagai salah satu sumber kewangan penting, dalam menggerakkan aktiviti ekonomi di Negeri Melaka.

BELIA MASA DEPAN

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Mewujudkan Sahabat Belia

110. Menjengah ke hadapan, demi mempersiapkan belia sebagai pewaris masa depan negeri, pada tahun ini, Kerajaan Melaka melalui Bahagian Musaadah, telah mewujudkan Sahabat Belia, dengan menambah komponen belia, menjadi Bahagian Khidmat Musaadah dan Pembangunan Belia, yang diketuai oleh Tuan Hj. Sha'ari bin Shamsudin,... bertujuan untuk memberi fokus kepada pembangunan program belia, mulai 15 Februari ini.

Belia Undi 18 Tahun

111. Selanjutnya, pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan Pelaksanaan Umur Pengundi 18 Tahun dan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik, telah diwartakan pada 30 November 2021 di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2021.

112. Sehingga 31 Disember 2021 sahaja, warganegara 18 tahun ke atas yang didaftarkan secara automatik adalah berjumlah 158,484 orang, menjadikan jumlah keseluruhan pengundi berdaftar di Negeri Melaka seramai 655,030 orang.

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian;

113. Atas segalanya, marilah sama-sama kita pikul amanah dan mandat yang diberikan oleh rakyat ini dengan sebaik-baiknya.
114. Hindarlah budaya seperti yang pernah diungkap oleh Sultan Takdir Alisjahbana, penyair terkenal dari Indonesia, bahawa, **‘TIADA... RASA MENDAPAT,... ADA... RASA MENGHILANG!’**
115. **Mandat yang ada ini, kita jagalah elok-elok.**
116. **Lantas, atas mandat besar ini, marilah kita terus bekerja bersama saya dan Kerajaan Negeri,... kita tingkatkan kualiti perkhidmatan berlandaskan slogan amanat tahun baharu 2022,... “KECEKAPAN PELAKSANAAN,... DEMI KEMAKMURAN RAKYAT DAN NEGERI MELAKA”, atas tagline,... GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI!**
117. Mustahaknya, sepanjang 100 hari pentadbiran ini, kita telah melunasi pelbagai inisiatif dan janji, atas prinsip, **“100 HARI JANJI DITEPATI, PENUH BERPRESTASI”**.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

118. Khulasahnya, saya berharap agar, segala apa yang bakal dibahaskan pada hari ini dan hari-hari berikutnya, akan menghasilkan kesan berganda kepada kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri, dan peroleh keberkatan daripada Allah SWT.
119. Saya juga berdoa ke hadrat Allah SWT agar diberikan ilham, kekuatan dan kemudahan untuk terus mentadbir negeri ini, dengan jujur serta seikhlas hati, dan mendapat sokongan daripada seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri serta rakyat Melaka.

120. Saya percaya, Melaka akan kembali bangkit menjadi negeri stabil yang maju jaya, makmur **megah Negerinya, tersohor sehingga menggamit dunia.** Insya-Allah.

121. Lantas, marilah kita sama-sama saling menghargai, menyanjung tinggi segala pengorbanan dan penat lelah semua, khususnya dalam menangani cabaran COVID-19, lalu diucapkan terima kasih kepada semua pihak, seraya **kita beri tepukan penghargaan kepada mereka!**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

122. Simpulan kalam, bersamalah kita bermunajat, sambil menadah tangan berdoa kepada Allah SWT, agar dikurniakan afiat kebaikan untuk semua dan dijauhi segala penyakit serta bala bencana.

123. **Bismillahir Rahmannir Rahim,**

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

***Bismil-lahil Lazi, Laa Ya-dhurru, Maas
Mihi Syai-un Fil Ardhi, Wala Fis Sama-i,
Wahuwas Samiul A'lim.***

“Dengan nama Allah yang bila disebut, segala sesuatu di bumi mahupun di langit, tidak akan memudarat lagi berbahaya, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ
وَسَائِرِ الْأَسْقَامِ

**Allah Humma Inna, Na'Uuzu Bika,
Minal Baras, Wal Junun, Wal Juzam,
Wa Sai Yi-il Asqhom.**

**“Ya Allah Aku berlindung DenganMu daripada penyakit
sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala
penyakit berbahaya yang lain.”**

**Berkatilah hidup kami Ya Allah,..
Rahmatilah Keluarga dan Rakyat Melaka Ya Allah,..
Makmurkanlah Negeri dan Negara Kami buat selama-
lamanya Ya Allah.**

Aamiin Allahumma Aamiin.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan.